

22 MAY 1999

DR MAHATHIR HADIRI PERHIMPUNAN PERPADUAN HARI PEKERJA

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadiri Perhimpunan Perpaduan Hari Pekerja 1999 di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini.

Majlis itu yang disertai kira-kira 10,000 orang yang mewakili pekerja daripada sektor swasta dan kerajaan bertujuan mempereratkan lagi perpaduan di antara pekerja, majikan dan kerajaan.

Perhimpunan tahun ini bertemakan, "Bersatu Teguh, Negara Kukuh".

Dr Mahathir dalam kata-kata aluannya pada buku cenderamata majlis berkata semua pihak tidak harus membiarkan isu-isu sampingan memesongkan fokus utama memulih dan memajukan ekonomi negara.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek.

-- BERNAMA

AFY AKD